

SULUH
WAHYUOleh
Abdullah Bukhari
Abdul Rahim al-Hafiz

“KETIKA penulis dan isteri sibuk bersiap ke hulu ke hilir di Kuala Lumpur sebelum menunaikan haji pada tahun 2015, udara Kuala Lumpur kelabu dengan serangan jerebu. Tebal dan memeritkan jiwa. Aduh! Selepas 11 tahun, masalah jerebu dek angkara pembakaran di negara jiran masih berlaku dan tidak selesai?”

Darurat iklim kerana jerebu yang sedang melanda nusantara dek kebakaran hutan di Indonesia semakin hari semakin parah. Situasi ini nampaknya sudah menjadi ‘acara sakit tahunan’ dalam kalendar Negara Asean yang wajib diterima dengan reda.

Melihat serta merasai bencana jerebu tahunan ini, membuatkan penulis berfikir ada benarnya ‘firasat’ para malaikat tentang sifat manusia yang akan melakukan kerosakan di bumi sejurus pengisytiharan perlantikan manusia sebagai khalifah di bumi (al-Baqarah 2:30).

Terbaharu sebuah NGO, Himpunan Advokasi Rakyat Malaysia (HARAM) dan Greenpeace Malaysia menjalankan demonstrasi aman di hadapan Kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur menggesa agar kerajaan Indonesia mendedahkan nama syarikat Malaysia yang dikatakan mempunyai kaitan dengan pembakaran hutan di Kalimantan. Jika benar bagai didakwa, tindakan tegas perlu diambil kepada pihak terbabit.

Seperti biasa, asap jerebu ini tidak merentas sempadan sebagai pelancong biasa, tetapi turut membawa bencana berbagai komplikasi penyakit bawaan kesan jerebu. Perkara ini jelas bertentangan dengan ajaran Islam yang menghalang sebarang tindakan yang membahayakan orang lain. Sabda Nabi SAW:

“Tidak boleh menimbulkan mudarat (kepada orang lain tanpa tujuan tertentu) serta tidak boleh membalas mudarat (tersebut secara sama atau dengan tujuan tertentu) (Sunan Ibn Majah, 2340).

Juga amaran lain dari Nabi SAW:

“Sesiapa yang menimbulkan mudarat (kepada orang lain), Allah akan menimpakan kepadanya mudarat (di dunia dan di akhirat), sesiapa yang

Dedah dalang pencetus jerebu rentas sempadan



SEJAK sekian lama isu jerebu rentas sempadan masih belum selesai dan menjadi perdebatan pelbagai pihak sehingga kini. – UTUSAN/MOHD SHAHJEHAN MAAMIN

menyusahkan (orang lain), Allah akan menyusahkannya (di dunia dan di akhirat) (Sunan Ibn Majah, 2342).

Dalam hadis lain, Nabi SAW mengajar antara cabang iman paling kecil ialah membuang duri atau halangan di jalanan (Sahih Muslim, 35). Jika menyelamatkan manusia daripada kemungkinan bahaya dikira pahala iman, sudah pasti tindakan memudaratkan manusia dengan berbagai bencana lain seperti penyebab jerebu yang menjejaskan jutaan manusia di Nusantara akan menjadi timbunan doa menzalimi manusia dan alam sekitar.

Perangai perosak alam yang membakar hutan dengan alasan penjimatan kos nampaknya sangat jahat dan boleh menyumbang kepada kematian secara perlahan terutama sekali bagi para pesakit kronik yang terdedah kepada asap jerebu ini dalam tempoh masa yang panjang. Jangan terkejut jika di akhirat kelak, para pemilik syarikat serta pekerjaannya yang giat membakar hutan akan didakwa Allah atas jenayah membunuh tanpa niat.

Lalu apa penyelesaian tuntas kepada masalah ini? Sukar sebenarnya menghapuskan terus bencana ini kerana ragam manusia yang ditunggang nafsu serta dihasut syaitan melakukan jenayah sebegini tidak akan habis.

Tindakan tegas berlandas undang-undang dan hukuman perlu juga dikuatkuasakan bagi membendung masalah ini dari terus berlaku. Hal ini kerana, tanpa bendungan, musibah ciptaan si jahat boleh menimpa semua. Fenomena jerebu sejak bertahun ini sudah jelas membuktikan perkara ini. Tambahan pula ia adalah “sains” yang Allah tegaskan dalam ayat ini:

“Dan jagalah diri kamu daripada (berlakunya) dosa (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang yang zalim di antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum). Dan ketahuilah bahawa Allah Maha berat azab seksa-Nya (al-Anfal 8:25).

Penulis percaya pihak berkuasa Indonesia sudah mengambil langkah wajar untuk membendung perkara

ini. Buktinya, Kementerian Perhutanan Indonesia sudah mengenakan sekatan terhadap enam syarikat yang memegang Lesen Perniagaan Penggunaan Hutan (PBPH) berhubung kebakaran hutan di Kalimantan.

Sekatan itu dilakukan selepas satu pemantauan dilakukan mendapati kebakaran hutan di Kalimantan bermula dalam kawasan yang diuruskan syarikat berkenaan, melibatkan keluasan keseluruhan 1,511.55 hektar.

Namun, kali ini kita perlu lebih ekstrem menyelesaikannya. Cadangan mendedahkan nama semua syarikat yang mencetuskan kebakaran sangat wajar. Biar seantero Nusantara tahu siapa dalangnya. Biar warga Asean yang terjejas beramai-ramai berjemaah menggeggar pintu rumah mereka memberi amaran serta meminta ganti rugi dengan saman sivil atau jenayah.

Mudah-mudahan mereka akan lebih berhemah dan berfikiran jauh sebelum bertindak bodoh terhadap alam pada masa hadapan.

Gunakan saluran undang-undang yang tegas untuk membendung mereka kerana sesetengah manusia tak faham bahasa diplomasi dan rundingan. Oleh itu, mereka perlu disebat dengan rotan undang-undang untuk mengawal kenakalan serta kerakusan tindakan mereka.

Firman Allah:

“Dan kalaulah Allah tidak menolak setengah manusia (yang ingkar dan derhaka) dengan setengahnya yang lain (yang beriman dan penguatkuasaan undang-undang) nescaya rosak binasalah bumi ini; akan tetapi Allah sentiasa melimpah kurniaNya kepada sekalian alam (al-Baqarah 2:251).

Ayuh segera bertindak! Kita adalah khalifah Allah di bumi. Jawatan ini bukanlah slogan kosong tetapi suatu tanggungjawab yang perlu ditunaikan. Jangan terus dibiarkan manusia bodoh pembakar hutan memangsakan semua orang. Jangan berterusan takdir sakit kita ditentukan mereka. Ingat pesanan Nabi Musa AS dalam kisah ini:

“Dan Nabi Musa memilih 70 lelaki daripada kaumnya (untuk di bawa bersama ke Gunung Tursina bermunajat kepada Allah) pada waktu yang telah kami tentukan. Maka ketika mereka digegar oleh gempa (kerana syarat biadab mereka hanya akan beriman setelah melihat Allah).

“Nabi Musa merayu dengan berkata: “Wahai Tuhanku! Jika Engkau kehendaki, Engkau boleh binasakan mereka bersamaku sebelum ini. Adakah engkau hendak membinasakan kami disebabkan apa yang telah dilakukan oleh orang yang bodoh di antara kami? (Apa yang mereka telah lakukan) itu hanyalah cubaanMu.

“Dengan cubaan itu Engkau sesatkan sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkau beri petunjuk kepada sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkau jualah Pelindung kami; oleh itu ampunkanlah kami dan berilah rahmat kepada kami, kerana Engkau jualah sebaik-baik Pemberi ampun (al-A’raf 7:155).

PENULIS ialah Timbalan Pengarah Pembangunan Pelajar dan Libat Urus Komuniti Pusat Bahasa Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.